

MCA sambut baik pengumuman Dr Mahathir

BH 21 MAY 2001

KLANG, Ahad – MCA menyambut baik pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai kelonggaran syarat kemasukan kaum Cina di Sabah menyertai Umno.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata pengumuman itu adalah perkembangan baik kepada senario politik di negeri itu, demi mengukuhkan kekuatan Barisan Na-

sional (BN).

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan berkata, terpulang kepada masyarakat Cina di Sabah, sama ada mahu menyertai Umno ataupun memilih parti komponen BN yang lain.

“MCA gembira dengan perkembangan ini. Apa yang kita mahu adalah masyarakat Cina di Sabah akan memilih mana-mana satu parti dalam komponen BN, tidak kiralah Umno atau

parti lain,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa perhubungan MCA Selangor di Hotel Mutiara di sini, petang ini.

Pagi ini, Dr Mahathir berkata, Umno Sabah diberi kelonggaran untuk menerima ahli di kalangan kaum Cina di negeri itu tanpa keperluan meminda perlembagaan parti.

Perdana Menteri berkata, perlembagaan parti tidak perlu dipinda kerana kelonggaran berhubung penyertaan kaum Cina itu hanya terhad bagi negeri Sabah saja.

Ling berkata, MCA akan meneruskan usaha bagi menambah keahlian parti itu di Sabah berikutan Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar) yang turut disertai kaum Cina, dibubarkan, hari ini.